

**KUALA LUMPUR, Rabu** — UMNO Malaysia akan melaksanakan satu sistem pengundian yang lebih kemas dan berkecuali dalam perhimpunan agung parti itu 26 Jun ini.

Ini bagi membolehkan hampir 1,300 perwakilan memilih pucuk pimpinan tertinggi UMNO bagi tempoh tiga tahun akan datang dengan adil-adilnya, bebas dan dengan fikiran terbuka.

Menurut sistem itu, pengundian dijalankan begitu sulit dan di kawal rapi, di mana diletakkan tanda RAHSIA pada kertas-kertas undi bagi mengelakkan sebarang kemungkinan penyelewengan.

Demikian diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Majlis Tertinggi UMNO, Tan Sri Syed Nasir Ismail, selepas menyuarat jawatankuasa itu, di Ibupejabat UMNO Malaysia, di sini hari ini.

Hadir di mesyuarat itu, Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar; Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin dan Pemangku Setiausaha Kerja UMNO, Encik Ahmad Basir.

Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, salah seorang ahli jawatankuasa tersebut tidak hadir kerana urusan mesyuarat Kabinet.

## Susunan

Tan Sri Syed Nasir memberitahu, susunan nama calon-calon yang bertanding bagi satu-satu jawatan yang akan dimasukkan dalam kertas pengundian dilakukan secara pengundian atau cabutan dan tidak lagi mengikut abjad seperti di masa-masa lalu.

Pengundian itu yang selesai dijalankan pagi ini oleh Jawatankuasa Pemilihan MT dan lain-lain perkara bersabit dengan pemilihan akan dikemukakan untuk pengetahuan MT yang bersidang Ahad ini.

Menurut beliau, tempat duduk perwakilan di Dewan Nirwana, hotel Hilton juga dipilih melalui cara undi.

"Ini untuk keadilan dan memuaskan hati semua perwakilan dan calon-calon yang bertanding."

Ni  
Ni  
Katanya lagi, pengundian akan dijalankan berperingkat-peringkat mengikut susunan jawatan yang dipertanding.

Katanya, jawatan Presiden tidak dipertanding lagi setelah calon tunggal Datuk Seri Dr. Mahathir menang tanpa bertanding.

UNTUK ELAK PENYELEWENGAN

# UMNO: Sistem undi lebih kemas

Tan Sri Syed Nasir berkata, pengundian akan dimulakan selepas waktu Jumaat dan keputusannya dijangka diumumkan secepat-cepatnya jam 8 malam dan selewat-lewatnya pukul 10 malam.

Mengikut sistem yang dirangka itu, tambahnya, empat bahagian sekali mengundi dan semasa pengundian, pemerhati tidak dibenarkan berada di dalam dewan kecuali ahli-ahli MT, perwakilan dan pegawai-pegawai bertugas.

Tegasnya, seseorang perwakilan mesti mempunyai satu kad khas untuk mendapatkan kertas undi.

"Kertas undi mempunyai satu tanda rahsia hanya saya seorang sahaja tahu untuk mengelakkan penyelewengan. Setiausaha Agung UMNO pun tidak tahu tanda itu," kata Tan Sri Syed Nasir.

## 40 meja

Pegawai-pegawai khas akan mengawal disiplin semasa perwakilan membuang undi.

Tan Sri Syed Nasir mengingatkan, setiap perwakilan hendaklah memangkah atau mengundi hingga genap jawatan yang dipertanding, jika tidak undi mereka akan dikira rosak.

Bellau memberi contoh, 20 jawatan MT akan dipilih. Jika seseorang perwakilan hanya memilih lapan sahaja, undinya itu dikira rosak.

Menurut beliau, setiap negeri menghantar 3 orang wakil memerhati tiap-tiap peringkat pengundian dijalankan.

Pengiraan undi di

bawah pengawasan rapi oleh wakil-wakil setiap negeri, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin, Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani dan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MT.

Tan Sri Syed Nasir berkata, 40 meja tempat membuang undi — 20 meja akan diletakkan di kiri-kanan dewan — 20 kotak kertas undi disediakan.

Bagaimanapun Tan Sri Syed Nasir menyebut 17 orang dicalonkan untuk jawatan Pengerusi Tetap — 7 menerima pencalonan, 21 orang untuk jawatan Timbalan Pengerusi Tetap — 10 menerima; tiga calon untuk jawatan Presiden — satu menerima; empat calon bagi jawatan Timbalan Presiden — dua menerima; 16 calon bagi jawatan Naib Presiden — 7 menerima dan 125 MT — 71 menerima.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia